

Impak Dasar Geopolitik Barat Terhadap Pertembungan Mazhab Dalam Dunia Islam: Suatu Analisis Kritikal

[The Impact of Western Geopolitical Policies on Sectarian Conflict in the Islamic World: A Critical Analysis]

**Mujahid Mohammad Fadzil¹, Rahim Kamarul Zaman², Abdul Mu'izz
Muhammad³ & Muhamad Najuddin Razak⁴**

- ¹ (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: ibnuirfadzil@gmail.com
- ² Faculty of Usuluddin and al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: abdulrahimkz51@gmail.com
- ³ Islamic Thought Cluster, Yayasan Bestari, 43300 Seri Kembangan, Malaysia, e-mail: muizzmuhammad296@gmail.com
- ⁴ Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia, e-mail: najuddinrazak@gmail.com

ABSTRACT

This study examines the Western agenda to weaken the political power of Islam by inciting sectarian conflict. It explores how the West has utilised sectarian issues to divert the attention of Muslims from the genuine struggle against Western hegemony, citing examples such as the Iran-Iraq War, the post-9/11 Islamophobia campaign, and the clash between Sufis and Wahhabis. Consequently, the study investigates America's role in fueling Sunni-Shi'a discord spanning from the 1979 Iranian Revolution to contemporary anti-Iran campaigns and analyses America's underlying motives: linking Iran to the threat of Shi'a sectarianism, propagating Islamophobia by cultivating "moderate Muslim" groups, and instigating conflict between Sufis and Wahhabis. The study employs a critical and thematic content analysis method, drawing upon research regarding RAND Corporation documents, statements by American diplomats and international observers, academic journals, and other sources. The findings reveal that America has consistently stoked sectarian divisions among Muslims to safeguard its geopolitical dominance. These tactics include constructing negative narratives about Iran, such as the "Shi'a Crescent", forging a Sunni-Israeli alliance to contain Iranian influence, establishing networks of "moderate Muslims", and exacerbating the rift between Sufis and Wahhabis. In conclusion, the study underscores the need for Muslims to remain vigilant (al-hadhar) against Western schemes that manipulate sectarianism as a tool to distract from critical issues, such as support for Palestine and opposition to Israel.

Keywords: *Western Geopolitics; Islamic World; Sects; Sunni-Shiite; Islamophobia*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti agenda Barat untuk melemahkan kuasa politik Islam dengan mencetuskan konflik mazhab. Persoalannya ialah bagaimana Barat menggunakan isu mazhab untuk mengalihkan perhatian umat Islam daripada pertentangan sebenar terhadap hegemoni Barat, antaranya Perang Iran-Iraq, kempen Islamofobia pasca-11 September dan pertembungan antara Sufi dan Wahhabi. Justeru, kajian ini meneliti peranan Amerika dalam menyemarakkan persengketaan Sunni-Syiah bermula dari Revolusi Iran 1979 hingga kempen anti-Iran kontemporari, serta menganalisis motif sebenar Amerika dalam mengaitkan Iran dengan ancaman sektarianisme Syiah, menggerakkan propaganda Islamofobia dengan menjaringkan kelompok Muslim Moderate, dan menimbulkan perbalahan antara Sufi dan Wahhabi. Kajian ini mengaplikasikan metode analisis kandungan secara kritis dan tematik, khususnya melibatkan kajian-kajian berkaitan dokumen RAND, kenyataan daripada diplomat Amerika, pemerhati antarabangsa, jurnal dan lain-lain lagi. Hasil kajian mendapati Amerika secara konsisten menghidupkan sentimen perpecahan mazhab di kalangan umat Islam untuk memastikan dominasi geopolitiknya tidak tergugat. Taktik ini merangkumi pembinaan naratif negatif terhadap Iran, seperti ‘Bulan Sabit Syiah’, dan membina pakatan Sunni-Israel untuk menyekat pengaruh Iran, mewujudkan jaringan Muslim Moderate dan menghidupkan pertembungan Sufi dan Wahhabi. Kesimpulannya, kajian ini menggariskan keperluan umat Islam untuk berwaspada (al-hadhar) terhadap perancangan Barat dalam manipulasi mazhab yang dijadikan alat bagi mengalihkan perhatian dari isu-isu kritikal seperti sokongan kepada Palestin dan pertentangan terhadap Israel.

Kata Kunci: Geopolitik Barat; Dunia Islam; Mazhab; Sunni-Syiah; Islamofobia

How to Cite:

Received: 20-06-2026

Accepted: 27-06-2026

Published: 30-06-2026

Mohammad Fadzil, M., Kamarul Zaman, R., Muhammad, A. M., & Razak, M. N. (2026). Impak dasar geopolitik Barat terhadap pertembungan mazhab dalam dunia Islam: Suatu analisis kritikal. *FURQANICA: Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JUQS)*, 2(1), 81–102.

1. Pendahuluan

Perselisihan pendapat di kalangan umat Islam sering terjadi sejak zaman Nabi Muhammad SAW hingga kini. Perselisihan pendapat ini terjadi dalam beberapa tahap. Ada perselisihan yang terjadi dalam masalah cabang (*furu*), ada juga perselisihan dalam masalah prinsip atau dasar (*usul*). Ada perselisihan yang berlegar dalam konteks perbincangan hukum, akidah,

mahupun politik (Sumanto, 2020). Ada perselisihan yang ringkas dan ada yang kompleks sehingga melahirkan pelbagai mazhab (Yaacob, 2022).

Namun, apa yang menjadi masalah pada hari ini adalah apabila perselisihan ini dimanfaatkan oleh musuh-musuh Islam untuk melemahkan kuasa politik Islam (Bakri et al., 2025; Fadzil & Zaman, 2025). Dalam konteks situasi geopolitik semasa, pelbagai kajian telah membuktikan bahawa terdapat usaha Barat yang serius dan berterusan untuk mengeruhkan kestabilan dunia Islam, khususnya di Asia Barat (Irawan, 2021). Antara yang utama, ialah agenda yang menggambarkan Iran sebagai ancaman terhadap umat Islam di Timur Tengah (Beck, 2020; Basundoro, 2020). Sebarang tindakan atau keputusan politik Iran kerap kali dilabel secara automatik sebagai agenda berteraskan mazhab Syiah dan berbahaya kepada dunia Islam, sekaligus menimbulkan imej yang kurang objektif terhadap negara tersebut (Koo, 2024; Yuting & Yuanyuan, 2023; Beck, 2020; Wastnidge, 2018).

Stereotaip ini dilihat mula dicetuskan sejak 1979 apabila Shah Iran digulingkan sehingga kini. Setelah itu, Iraq dan Iran dipertembungkan antara 1980-1988 atas nama mazhab. Selepas Soviet tumbang pada 1992, Barat terus mengangkat slogan permusuhan terhadap Islam melalui karya *Clash of Civilizations* oleh Huntington (Huntington, 2020). Pada 2001, US telah mencetuskan *Islamophobia*, melalui gambaran permusuhan dengan al-Qaeda, dan seterusnya mengheret kepada pencerobohan Iraq pada 2003 (Yuting & Yuanyuan, 2023; Huntington, 2020). Sentimen mazhab antara yang digunakan semasa pencerobohan tersebut selain daripada slogan *regime change*. Sejak kejatuhan Iraq, US mengambil alih Kem Bucca di Iraq untuk merekrut ribuan umat Islam yang berfahaman *Salafi* yang radikal, khususnya antara 2005 hingga 2009 yang akhirnya melahirkan Islamic State (IS) (Wagenen, 2025; Huntington, 2020; Beck, 2020).

Menurut Wagenen (2025), dalam tempoh ini, US giat mendanai kekacauan di Asia Barat, khususnya di Syria. US mendanai kumpulan Movement for Justice and Development (MJD) yang berpangkalan di London untuk meniupkan sentimen kebencian terhadap pemerintah Syria. Kumpulan ini diasaskan oleh bekas anggota Muslim Brothers yang mempunyai konflik politik dengan pemerintah Syria sejak zaman Assad. Kempen MJD digerakkan melalui Barada TV sejak 2009 sehingga tercetusnya Arab Spring pada 2011 yang menggugat kestabilan politik negara itu. Siri-siri kekacauan ini berakhir dengan kejatuhan Presiden Syria, Bashar Asad pada Disember 2024 (Wagenen, 2025; Huntington, 2020).

Dalam konteks berbeza, dasar geopolitik Barat didapati turut mempengaruhi konflik Arab Spring yang melibatkan beberapa buah negara Arab (Moss, 2020). Ia memberi kesan kepada kejatuhan Libya ketika Arab Spring 2011. Pada tahun 2015, Ahmed Bensada mendedahkan penglibatan

Amerika dalam mencetuskan kebangkitan itu. Beliau menyatakan wujudnya individu tertentu yang menerima latihan gerila yang ditaja oleh CIA, Mossad, Chad dan Arab Saudi. Masing-masing berperanan untuk menjatuhkan Ghadafi di Libya dan Assad di Syria (Moss, 2020; Bramhall, 2015). Selain itu, beliau menyatakan bahawa US menaja kumpulan pembangkang untuk menentang Assad di Syria, termasuk menaja projek saraf melalui saluran TV kabel anti-kerajaan Syria. Bahkan sekumpulan aktivis Syria (anti-kerajaan) menerima latihan Amerika secara percuma dalam cyberactivism dan perlawanan non-violent sejak tahun 2006 (Bramhall, 2015).

Pasca Arab Spring, US masih konsisten mencetuskan pertembungan mazhab sesama umat Islam. Antaranya, seorang penganalisis Dasar Luar US, Robin B. Wright telah mengemukakan cadangan pemetaan semula Asia Barat pada 2013. Asas pemetaan tersebut berkonsepkan mazhab dan puak, yang menjadikan lima buah negara Islam dipecahkan menjadi 14 buah, antaranya Alawitestan, Sunnistan, Shiitestan, Wahabistan, Kurdistan, Tripolitania, Fezzan, Cyrenaica, Western Arabia dan lain-lain. Cadangan pemetaan ini melibatkan lima negara, iaitu Saudi, Syria, Iraq, Yaman dan Libya (Fraihat & Yaseen, 2020; Wrights, 2013).

Arab Spring 2011 turut menggugat kestabilan Yaman. Ibu Negeranya telah diambil alih oleh Houthi pada 2014 disebabkan pertembungan dengan Saudi sebelum itu. Pada Mac 2015, Netanyahu (2015) telah berucap dalam Kongress menyatakan bahawa Houthi adalah ancaman, dan merupakan sekutu Iran. Beberapa hari kemudian, US telah mengeluarkan kenyataan untuk memerangi Houthi, dan disusuli oleh negara-negara Teluk yang turut memberikan komitmen untuk melaksanakannya. (Mepc.org, 2015)

Susulan pelbagai konflik berterusan di Asia Barat, pertembungan sesama Sunni pula didapati kian memuncak pada 2017 dalam persidangan di Chechnya (Firdaus et al., 2024). Kajian ini juga mendapati punca pertembungan berkenaan telah bermula sejak 2004, apabila sebuah persidangan bertemakan 'Understanding Sufism and Its Potential Role in U.S. Policy' telah diadakan di Nixon Center bagi tujuan memahami tradisi spiritual sufisme dan potensinya dalam dasar luar Amerika Syarikat (Firdaus et al., 2024; Lewis, 2004). Persidangan ini mengetengahkan pertembungan antara Wahabi dan Sufi. Justeru, untuk menjayakan kempen pertembungan ini, UAE telah menggiatkan kempen-kempen 'sufi-sekular' ke dalam dunia Islam dan membawa kepada agenda kesufian yang mengabaikan politik (Fadzil & Zaman, 2025; Hermansen et al., 2023). Selain itu, persidangan di Chechnya pada 2017 tadi merumuskan bahawa Wahhabi terkeluar daripada aliran Ahlus Sunnah wal Jamaah (Barak, 2016). Persidangan ini telah dijadikan kajian kes yang secara tidak langsung merealisasikan pelan tindakan RAND untuk memecahbelahkan Islam (Firdaus et al., 2024).

Selain itu, pada 2017, beberapa rangkaian gerakan *Islamic State* (IS) yang direkrut oleh US dan juga yang merupakan rangkaian al-Qaeda digabungkan menjadi Hai'at Tahrir Syam (HTS) yang dipimpin oleh Abu Mohammad al-Julani. Kumpulan IS sejak 2012 banyak menggunakan taktik '*false flag*'. Antaranya ialah menggunakan bom kimia ke atas orang awam, namun pihak US mendakwa ia dilakukan oleh kerajaan Syria (Wagenan, 2025). Wagenan menyifatkan taktik ini sebagai '*dirty war*' oleh US. Sepanjang krisis Syria, isu mazhab terus dimainkan sepertimana yang boleh dilihat dalam pemetaan semula Asia Barat oleh Robin Wright tadi.

Pada Disember 2024, kumpulan HTS telah melakukan penggulingan ke atas Bashar Assad. Pimpinan HTS, al-Julani, diangkat untuk memimpin Syria. Dalam proses peralihan kuasa itu, Tony Blinken, ketika itu sebagai Menteri Luar US, mengaku ada berhubung terus dengan HTS (Blinken, 2024). Bahkan, sepanjang 2025, al-Julani mengadakan pertemuan dengan Presiden US, Donald Trump sebanyak 3 kali, iaitu pada Mei, Jun dan November 2025. Sepanjang kepimpinan al-Julani, Syria banyak membuka ruang kepada kelestarian US dan Israel, antaranya membiarkan Dataran Golan dan lain-lain digunakan oleh Israel untuk pengukuhan politik mereka, termasuk menyerang Hezbollah di Lubnan. (Al-Awsat&Ajansi, 2026)

Dalam Anatalya Diplomacy Forum (Turki) pada 12 April 2025, Jeffery Shacs mengatakan bahawa huru hara di Syria bukan berpunca daripada kediktatoran Bashar Assad, tapi ia berpunca daripada Amerika sendiri. Beliau mengatakan usaha untuk gulingkan Bashar Asad berpunca daripada Israel sejak 2011 dengan bantuan Kerajaan Amerika dan CIA dalam operasi Timber Sycamore Operation. Beliau mengatakan lagi bahawa operasi Timber Sycamore antaranya dengan melatih kumpulan *jihadis*, termasuk kumpulan IS yang mengambil alih kerajaan Syria pada Disember 2024. (DRM News, 2025)

Dalam isu ini, ia tidak hanya terhenti pada negara-negara tertentu seperti Iran, malah turut mempengaruhi hubungan antarabangsa negara-negara yang berurusan dengannya, seperti Syria zaman Bashar Assad, Hezbollah di Lubnan, Houthi di Yaman dan lain-lain. Mana-mana negara atau gerakan yang memilih untuk menjalin hubungan diplomatik atau ketenteraan dengan Iran, sering dianggap sebagai negara yang bersekutu dengan Syiah. Bahkan mana-mana pendirian Blok Iran seolah-olah harus diboikot oleh umat-umat Islam atas semangat *Ahlus Sunnah*. Fenomena ini turut memberi kesan kepada diplomasi serantau, apabila persepsi tentang suara penentangan terhadap hegemoni Barat disempitkan dalam konteks keagamaan, lalu mengaburkan kepentingan strategik dan ekonomi yang lebih utama. Lantas umat Islam menghadapi cabaran yang sukar dalam menerangkan rasional hubungan tersebut tanpa dibayangi prejudis mazhab (Raisi, 2023).

Selain itu, agenda *Islamophobia* turut dirangkaikan dengan stereotaip ini. Antaranya, beberapa kajian RAND Corp seperti karya Bernard (2003) yang bertajuk *Civil Democratic Islam* dan Pernin (2008) yang bertajuk *Unfolding the Future of Long War*, serta ucapan pemikir-pemikir Barat seperti Bernard Lewis (2004), Martin Indyk (2006), dan lain-lain menggambarkan bahawa perancangan Barat untuk mempertembungkan *mazhab* dalam Islam merupakan satu usaha yang serius dan konsisten. Selain itu, penulis-penulis Barat seperti William Van Wagenan (2025) turut mendedahkan beberapa gerak kerja US dalam menaja pertembungan *mazhab*, khususnya untuk mencipta kekacauan di Syria.

Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti peranan yang dimainkan oleh Barat khususnya Amerika Syarikat, yang menggunakan isu mazhab atau perselisihan umat Islam sebagai satu instrumen untuk melemahkan kuasa politik umat Islam, sama ada dengan menyemarakkan konflik *Sunni-Syiah*, merekrut kumpulan *Salafi* radikal, memanipulasi naratif sektarianisme, menghidupkan pertembungan Sufi-Wahhabi dan lain-lain. Secara keseluruhannya, usaha ini bertujuan untuk menimbulkan kewaspadaan dalam kalangan umat Islam terhadap mana-mana situasi pertembungan dan perselisihan.

2. Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menimbulkan kewaspadaan dalam kalangan umat Islam terhadap mana-mana situasi pertembungan dan perselisihan yang berlaku pada masa kini. Hal ini bertujuan untuk mengaitkan ancaman Barat dan usaha melemahkan kuasa politik umat Islam melalui pelbagai pertembungan yang dicipta oleh US dan sekutunya. Kajian ini mengaplikasikan metode analisis kandungan secara kritis dan tematik, khususnya melibatkan kajian-kajian berkaitan dokumen RAND dan kenyataan daripada diplomat Amerika, pemerhati antarabangsa dan lain-lain lagi. Metode ini digunakan kerana reka bentuk kajian ini hanya bertujuan menjalankan analisis konseptual, penilaian naratif dan mensintesis literatur berdasarkan dokumen yang telah tersedia (Jaspal, 2020).


Secara teknikal, kajian ini dihasilkan bagi membawa satu sudut pandang baharu berkaitan dasar geopolitik Barat yang didominasi oleh US dan sekutunya terhadap dunia Islam, di samping meningkatkan kewaspadaan dalam kalangan umat Islam supaya tidak mudah terpedaya dengan strategi *divide and rule*. Bagi tujuan tersebut, kajian ini telah menjalankan analisis kritikal terhadap beberapa dasar geopolitik utama US terhadap dunia Islam yang digariskan dalam dokumen RAND. Antaranya seperti dasar membina dan memperkukuh jaringan Muslim moderat sebagai rakan strategik US; dasar menggalakkan reformasi dalam institusi pemikiran Islam mengikut

kerangka yang selari dengan demokrasi liberal; dan dasar mengekang pengaruh kebangkitan Islam melalui strategi mewujudkan pertembungan mazhab dalam kalangan umat Islam.

Melalui dimensi analisis yang disenaraikan, kajian ini dapat merumuskan beberapa sudut pandang baharu yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam dalam usaha mempertahankan kedaulatan Islam pada masa kini.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan penelitian terhadap dasar geopolitik dan perancangan Barat, kajian ini mengetengahkan beberapa isu pertembungan sesama umat Islam sama ada dari sudut politik atau perselisihan pada masa kini. Kajian ini mendapati pertembungan dan perselisihan tersebut lebih banyak dicetuskan oleh Barat bagi melemahkan kuasa politik Islam. Kronologinya dapat difahami melalui Rajah 1.



Berdasarkan Rajah 1, titik tolak perancangan barat bermula apabila mereka begitu obses untuk mengekalkan hegemoni mereka. Barat terpaksa bertembung dengan pesaing mereka iaitu Soviet dalam Perang Dingin antara 1947-1992. Namun di penghujung kekuasaan Soviet, kebangkitan Islam muncul. Justeru, selepas kejatuhan Soviet, US memberi fokus untuk menghadapi Islam. Antara strategi mereka untuk menghadapi Islam adalah dengan mencetuskan perselisihan dan pertembungan di kalangan umat Islam. Lantas, pertembungan yang berpanjangan ini akhirnya akan melemahkan kuasa politik Islam.

4. Perbincangan

4.1 Sejarah Perancangan Barat Memecahbelahkan Islam

Secara umum, Barat akan memanfaatkan apa jua instrumen untuk memecah-belahkan kesatuan umat Islam. Antaranya ialah peranan Souck Hugronje yang menyamar sebagai Syeikh Abdul Ghafur dan bertindak mempertembungkan aliran Kaum Muda dan Kaum Tua di Aceh. Hasil pertembungan ini membawa kepada kejatuhan Aceh yang kemudian dijajah oleh Belanda (Kurnia et al., 2023).

Manakala T.E. Lawrence atau dikenali sebagai *Lawrence of Arabia* pula bertindak menyusup masuk ke wilayah wilayah Arab dan bertemu dengan Kabilah-kabilah Arab. Penyusupan beliau bertujuan meniupkan semangat nasionalisme Arab agar bangkit membebaskan negara mereka daripada bernaung di bawah Uthmaniah. Antara pimpinan Arab yang bangkit mengepalai Bangsa Arab untuk keluar daripada naungan Uthmaniah ialah Syarif Hussein. Beliau telah mencetuskan *Arab Revolt* (Revolusi Agung Arab) pada 1916 – 1918 (Shosky, 2015; Anderson, 2014).

Selepas Arab Revolt, Barat telah mencetuskan pertembungan antara pengikut Muhammad bin Abdul Wahhab dan Bani Saud, yang bertembung dengan kelompok Syarif Hussein. Pertembungan disebarkan di sisi kumpulan Muhammad bin Abdul Wahab dan Bani Saud atas nama amalan khurafat di Mekah, manakala di sisi Syariff Hussein pula disebarkan atas nama pengukuhan politik Arab di Mekah dan Madinah. Kedua-dua kumpulan bertembung dengan penajaan senjata oleh Barat (Anderson, 2014).

Daripada kesan kedua-dua penyusupan ini, kita dapat lihat bahawa Barat menggunakan apa jua instrumen sektarian untuk memecah-belahkan umat Islam. Sama ada dalam bentuk pertembungan Salaf dan Khalaf, Kaum Muda dan Kaum Tua, semangat nasionalisme, malah termasuk sentimen Sunni dan Syiah.

4.2 Sentimen Sunni-Syiah, Iran dan Iraq

Dari sudut latar sejarah, mazhab Syiah atau Sunni pada awalnya tidak pernah menjadi perhatian Amerika. Namun, selepas berlakunya Revolusi Iran 1979, ia mula menjadi perhatian dan bahan propaganda bagi Amerika (Kazemzadeh, 2018). Sebelum Revolusi Iran 1979, Iran yang diperintah oleh Shah Iran yang menjadi proksi kepada Barat. Semasa dalam pemerintahan beliau, Barat telah dapat mengaut banyak keuntungan daripada Iran selain turut membantu mengukuhkan blok Barat dalam persaingan dengan Soviet dalam *Cold War* (Chapman, 2023).

Namun, disebabkan kedudukan politik Shah Iran semakin tergugat atas banyak faktor, termasuk kecenderungannya terhadap blok Barat, Amerika cuba pula untuk bekerjasama dengan Iraq demi untuk menyekat kebangkitan Iran. Tetapi, kerjasama tersebut ditolak oleh Presiden Iraq, Hassan Bakar sehingga mengheret kepada agenda penggulingan beliau (Rubin, 1980).

Hassan Bakar digantikan oleh Saddam Hussein. Setelah Shah Iran digulingkan, Amerika cuba berpakat dengan Saddam Hussein yang baru menaiki takhta di Iraq. Beliau diprovok dengan kebangkitan 'Syiah' di Iran yang dikatakan bakal merebak, dan menggugat kekuasaannya di Iraq (Yakubovich, 2024). Justeru, Saddam Hussein yang bermazhab *Sunni* dipergunakan untuk memerangi Iran kerana bimbangkan Syiah, sehingga tercetusnya perang Iran-Iraq antara tahun 1980 hingga 1988 yang telah mengorbankan ratusan ribu umat Islam (Ahmadi, 2023).

Di Iraq sendiri, mempunyai sejarah panjang pertembungan mazhab Sunni, Syiah dan Kurdi. Manakala Saddam pula memperlihatkan kecenderungan beliau sebagai anti-Barat. Akhirnya Saddam dijatuhkan pada 2003 melalui pencerobohan US dengan alasan beliau dikaitkan dengan al-Qaeda. Kejatuhan beliau turut dibantu oleh pertembungan mazhab sesama umat Islam. (Winamo, 2015). Situasi pertembungan ini menjadi subjek kajian RAND Corporation dalam dokumen *Unfolding the Future of Long War* (Pernin et al., 2008).

Pasca kejatuhan Saddam, US menggunakan pertembungan mazhab di Iraq untuk mewujudkan ketidak-stabilan yang berpanjangan dengan merangka institusi negara secara total dan pembentukan sistem politik baharu berasaskan kuota identiti kaum serta agama. Dasar-dasar ini memecah-belahkan struktur sosial Iraq yang asalnya bersatu, lalu mewujudkan pertembungan berdarah antara kumpulan Sunni dan Syiah (Mako, 2019).

Antaranya US melaksanakan dasar De-Ba'athification, iaitu menyingkirkan semua ahli Parti Ba'ath pimpinan Saddam Hussein daripada sektor awam. Langkah ini memecat ratusan ribu birokrat, guru, dan pegawai berpengalaman yang majoritinya bermazhab Sunni, sekali gus melumpuhkan pentadbiran negara (Zinn, 2016., Dougherty, 2014). Selain itu, US memperkenalkan sistem pemerintahan baharu berasaskan kuota etno-religius. Di bawah sistem ini, pembahagian jawatan penting negara diikat mengikut identiti mazhab dan puak, seperti Perdana Menteri mesti di kalangan Syiah Arab, manakala Presiden di kalangan Kurdi (Kuoti, 2016).

4.3 *Sentimen Islamophobia*

Walaupun Perang Iran-Iraq telah berakhir pada tahun 1988 dan diikuti dengan tumbangnya Soviet pada tahun 1992, namun, hal tersebut masih lagi tidak menyenangkan Amerika disebabkan oleh kebangkitan Islam mulai menyinar. Hal ini dibincangkan oleh Samuel P. Huntington (1993) yang mengemukakan teori bahawa Amerika mesti mengisytiharkan musuh barunya. Beliau menggesa supaya Amerika memberi fokus kepada Islam yang ketika itu dilihat berpotensi mengancam hegemoni Barat. Justeru, langkah yang terbaik bagi Amerika ialah dengan menakutkan orang terhadap Islam.

Pada 26 Februari 1993, Federal Bureau of Investigation (FBI) telah menyiarkan berita mengenai pengeboman World Trade Center (WTC) yang dikaitkan dengan rangkaian pengganas yang diketuai oleh Osama bin Laden. Berita awal ini dianggap sebagai alasan utama untuk mengaitkan Islam dengan keganasan melalui watak Osama ben Laden. Maka, projek *Islamophobia* mula dihidupkan di bawah jenama menentang keganasan. Watak gerakan Islam ketika itu digerakkan di bawah label Rangkaian al-Qaeda. Semua jenama gerakan-gerakan yang dikaitkan dengan nama Islam yang muncul selepas itu sering dikaitkan dengan al-Qaeda sehingga ke hari ini (Amour, 2018).

Pada Januari 2001, Amerika telah menyiarkan maklumat projek menentang keganasan yang dikaitkan atas nama Islam. Artikel yang diterbitkan dengan tajuk *Patterns of Global Terrorism 1996* tersebut telah menyenaraikan sebanyak tujuh negara yang merupakan paksi keganasan di mana lima daripadanya adalah negara Islam (US Department of State, 2001). Negara-negara tersebut adalah Iran, Iraq, Libya, Sudan dan Syria. Namun, menurut Munir Ghadban, senarai negara-negara ini telah disiarkan seawal 1983 lagi. Ketika itu, Amerika sedang rancak memasarkan demokrasi melalui pertubuhan-pertubuhan yang ditaja (Sabasteanski, 2005; US Department of State, 2001).

Justeru, Amerika menjadikan Osama ben Laden dan rangkaian al-Qaeda sebagai modal untuk hadir ke negara-negara Islam atas alasan ingin menjaga keamanan dan memburu pengganas. Namun, hakikatnya ia merupakan tiket untuk membenarkan pencerobohan dan campur tangan Amerika ke dalam negara-negara Islam (Juergensmeyer, 2004). Bahkan, peristiwa pelanggaran WTC pada 11 September 2001 juga dikaitkan dengan gerakan al-Qaeda. Pelanggaran dikatakan sebagai permulaan kepada agenda Islamophobia yang dilancarkan oleh Amerika (Hamdan, 2019).

Kejatuhan Saddam di Iraq pada 2003 yang diceritakan sebelum ini menggambarkan usaha US untuk mengaitkan Saddam dengan al-Qaeda sebagai alasan pencerobohan. Selain Iraq, Sudan juga turut dikaitkan dengan

al-Qaeda, lantas menjadi alasan bagi US untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap Sudan sehingga tercetusnya peristiwa Darfur di Sudan antara 2003 dan 2004 (Najib, 2004). Krisis kemanusiaan ini dijadikan asas untuk melancarkan penggulingan Omar Bashir, Presiden Sudan, pada 2018 dan 2019 yang dilakukan oleh Forces of Freedom and Change (FFC) yang disokong oleh US, melalui kenyataan-kenyataan mereka.

4.4 Barat Merekrut Kumpulan Pemberontak

Sejak awal, US menjadikan al-Qaeda sebagai tiket untuk memerangi Islam, dengan alasan untuk membanteras keganasan. Alasan ini antara yang digunakan untuk Amerika mencerooboh Iraq pada 2003 sepertimana yang dinyatakan sebelum ini. Semasa kejatuhan Iraq, Amerika telah mengambil alih Kem Bucca di Iraq dan ia beroperasi hingga 2009. Semasa kem ini di bawah seliaan Amerika, ia telah melahirkan kumpulan Islamic State (IS), yang kemudiannya dirangkaikan dengan gerakan al-Qaeda (Wagenen, 2025)

Pada 2011, Arab Spring tercetus melibatkan beberapa buah negara Arab. Ia memberi kesan kepada kejatuhan Libya. Ahmed Bensaada mendedahkan penglibatan Amerika dalam mencetuskan kebangkitan itu. Selain itu, beliau turut mendedahkan peranan bekas anggota polis Mesir bernama Omar Afifi Suleiman mengatur protes di Dataran Tahrir dari pejabatnya di Washington secara jarak jauh (Bramhall, 2015).

Bensaada turut menyatakan wujudnya individu tertentu yang menerima latihan gerila yang ditaja oleh CIA, Mossad, Chad dan Arab Saudi. Masing-masing berperanan untuk menjatuhkan Ghadafi di Libya dan Assad di Syria. Antara tahun 2005 dan 2010, State Department memperuntukkan sehingga \$12 juta kepada kumpulan pembangkang untuk menentang Assad. Bahkan Amerika juga menaja projek saraf melalui saluran TV kabel anti-kerajaan Syria, serta egelintir aktivis Syria (anti-kerajaan) menerima latihan Amerika secara percuma dalam cyberactivism dan perlawanan non-violent sejak tahun 2006 (Bramhall, 2015).

Selepas Arab Spring, rangkaian al-Qaeda dengan berjenama IS menimbulkan kekacauan di Syria. Menurut Wegenan (2025), peranan kumpulan IS sangat signifikan dalam memenuhi kehendak Amerika. Kumpulan ini menimbulkan kekacauan untuk menumbangkan Kerajaan Syria di bawah pimpinan Bashar Assad. Mereka banyak menggunakan strategi *false flag* bagi memburukkan Kerajaan Syria. Antaranya ialah dengan melakukan beberapa siri serangan kimia ke atas masyarakat awam, lalu media-media antarabangsa menuduhnya sebagai tindakan kerajaan.

Dalam Anatalya Diplomacy Forum (Turki) pada 12 April 2025, Jeffery Shacs mengatakan bahawa huru hara di Syria bukan berpunca daripada kediktatoran Bashar Assad, tapi ia berpunca daripada Amerika

sendiri. Beliau mengatakan usaha untuk gulingkan Bashar Asad berpunca daripada Israel sejak 2011 dengan bantuan Kerajaan Amerika dan CIA dalam operasi Timber Sycamore Operation. (DRM News, 2025)

Beliau mengatakan lagi bahawa operasi Timber Sycamore antaranya dengan melatih kumpulan jihadis, termasuk kumpulan IS yang mengambil alih kerajaan Syria pada Disember 2025 melalui kekacauan yang dicituskan oleh kumpulan-kumpulan tadi, yang lahir dari Kem Bucca Shacs (2025). Bahkan kepimpinan baru Syria, Ahmad Julani juga turut terhasil daripada kem tersebut. (Wagenen, 2025)

5. Strategi Propaganda Barat Menyebarkan Sentimen Mazhab

5.1 Dokumen ‘Civil Democratic Islam’

Dokumen ini telah diterbitkan oleh RAND pada tahun 2003. RAND ialah singkatan bagi Research and Development Corporation (RAND), sebuah organisasi penyelidikan dan analisis dasar yang ditubuhkan pada tahun 1948 di Amerika Syarikat, yang bertujuan menyediakan penyelidikan berasaskan bukti untuk membantu membuat keputusan dasar awam dan pembangunan strategi yang lebih baik (RAND, 1948).

Dokumen ini mencadangkan strategi-strategi untuk memecah-belahkan umat Islam dengan membahagikan mereka kepada empat kelompok, iaitu fundamentalis, tradisional, sekularis dan modernis (Benard, 2003). Menurut Benard (2003) tidak semua Muslim bermasalah kepada Amerika, namun yang bermasalah adalah kelompok ‘fundamentalis’ yang dianggap kelompok yang radikal kerana mempunyai pemikiran untuk menegakkan pemerintahan Islam.

Oleh itu, untuk mengekang kelompok fundamentalis ini, Benard (2003) mencadangkan agar Amerika memberikan sokongan kepada kelompok modernis atau moderate serta kelompok tradisional untuk menentang dan menghapuskan pengaruh kelompok fundamentalis. Benard (2003) juga meletakkan bahawa golongan tradisional Islam boleh digunakan untuk melawan gerakan Islam, antaranya dengan cara menggalakkan dan mempromosikan kesufian yang mesra Barat.

Selain itu, Amerika juga berpandangan bahawa golongan sufi turut berpotensi untuk dimanipulasi bagi memasarkan dasar luar Amerika. Hal ini ditekankan oleh Lewis dalam ucapannya semasa persidangan bersama tokoh-tokoh sufi di Nixon Centre. Menurut Lewis (2004), kumpulan sufi aliran Rumi dan Ibn Arabi berpotensi mempromosikan pluralisme, seterusnya mengukuhkan liberalisme yang menjadi dasar luar Amerika. Justeru, Amerika melihat dua jalur ini boleh digunakan sebagai kempen melawan gerakan Islam dilabel oleh mereka sebagai radikal.

5.2 Dokumen ‘*The Muslim World After 9/11*’

Selepas peristiwa pelanggaran bangunan *World Trade Centre* (WTC) pada 11 September 2001, RAND telah menerbitkan sebuah dokumen yang bertajuk ‘*The Muslim World After 9/11*’ pada tahun 2004. Dokumen ini mengandungi penelitian tentang situasi negara-negara Islam di seluruh dunia, termasuk Malaysia yang perlu mereka hadapi atas tujuan memerangi keganasan dan mengukuhkan dasar luar Amerika (Liberalisme) (Rabasa et. al, 2004).

Di dalam dokumen ini, US menyatakan perihai senario dunia Islam yang perlu dihadapi oleh mereka. Antara kekhuatiran yang dilontarkan ialah kemunculan idea-idea pelestarian Islam yang semakin tersebar. Perkembangan tersebut dilihat sebagai ancaman terhadap agenda penyebaran ideologi liberalisme tajaan mereka ke dunia Islam. Selain itu, dokumen ini turut menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh Amerika dalam menghadapi Islam yang semakin diterima di negara-negara tersebut. Pertembungan ini dinamakan *War of Ideas*, iaitu pertembungan antara Liberalisme yang menjadi dasar luar Amerika dengan Islam (Rabasa et al., 2004).

Dokumen RAND telah meletakkan idea samada menghadapi Islam dengan jalan kekerasan atas alasan ‘melawan teroris’ atau pun melalui kuasa lunak (*soft power*). Kuasa lunak yang dimaksudkan ialah penyebaran ideologi Barat melalui forum, wacana, mewujudkan pertubuhan atau sebagainya bagi mencairkan cara fikir Islam (Rabasa et al., 2007). Manakala, bagi negara-negara Islam yang dilihat tidak boleh dipengaruhi secara kuasa lunak, RAND mencadangkan agar menyebarkan sentimen perselisihan mazhab atau perang saudara sesama Islam, lantas membuka ruang campur tangan Amerika. Justeru, untuk merealisasikan hasrat ini, mereka perlu untuk mewujudkan pertembungan mazhab sesama umat Islam (Rabasa et al., 2007).

RAND menggunakan istilah *War of Ideas* sebagai gambaran corak persaingan antara tatanan Barat dan pemikiran Islam. Bahkan Rand turut menjelaskan keistimewaan Malaysia selaku negara Islam yang boleh menghadapi isu-isu liberal ke mahkamah. Ini kerana kelestarian agama Islam sememangnya digariskan dalam perlembagaan negara ini. Hal ini tidak berlaku di Indonesia, sekalipun Indonesia dianggap sebagai negara dengan populasi terbesar yang beragama Islam.

Dokumen ini menjelaskan bahawa gerakan Islam dianggap sebagai ancaman yang perlu ditangani. Sama ada ditentang dengan stigma-stigma kononnya sebagai pengganas, atau dilunakkan dengan wacana-wacana pencairan fikrah dan tawaran akses politik dengan US. Selain itu, untuk menilai potensi konflik yang boleh direncanakan ke atas negara-negara umat

Islam, dokumen ini turut menjelaskan pecahan-pecahan mazhab, bangsa dan kabilah yang wujud dalam kalangan umat Islam, yang boleh dimanipulasikan oleh US untuk berhadapan dengan Islam.

5.3 Mencetuskan Istilah ‘Bulan Sabit Syiah’

Istilah ‘Bulan Sabit Syiah’ (*shia crescent*) mula dicetuskan oleh Raja Jordan iaitu Raja Abdullah II yang beraliran Sunni pada penghujung tahun 2004. Ia merujuk kepada kebimbangan tentang kebangkitan kuasa politik dan pengaruh Syiah di Asia Barat, yang menurutnya dapat mencetuskan ketidakseimbangan geopolitik di rantau tersebut (“Jordan’s Abdullah Concerned Iraq”, 2004).

Istilah ini membawa implikasi simbolik, merujuk kepada bentuk geografi bulan sabit yang mencakupi kawasan-kawasan dengan kehadiran masyarakat atau pemerintahan beraliran Syiah yang ketara, merangkumi Iran, Iraq, Syria dan Lubnan (“Jordan’s Abdullah Concerned Iraq”, 2004). Istilah ini kemudian disebut-sebut dan diwacanakan, terutama di dunia Barat, sejak 2007. Ia merupakan gambaran negatif wujudnya gerakan melebarkan jalur mazhab tersebut.

Perkara ini disebut oleh Ian Black dalam *The Guardian* (2007) di bawah tajuk *Fear of a Shia full moon*:

“Peristiwa membuktikan bahawa raja Jordan betul memberi amaran tentang ‘bulan Sabit Syiah’ di seluruh Timur Tengah - walaupun frasa itu agak tidak diplomatik”

Beliau menyatakan lagi:

“Kata-kata raja itu pastinya tepat, perpecahan antara Muslim Sunni dan Syiah kelihatan seperti salah satu tema besar tahun 2007 kerana keduanya memahami keadaan huru-hara yang tidak dapat dihentikan di Iraq, kebangkitan Iran sebagai kuasa serantau dan ketakutan terhadap akibat baru dan malapetaka jika AS atau Israel memasuki konfrontasi bersenjata dengan republik Islam”.

Justeru, propaganda untuk menakutkan orang terhadap istilah ini mengheret kepada rasa bimbang umat Islam terhadap bahaya Syiah. Dengan kata lain, hakikatnya Amerika ingin menjatuhkan Iran. Oleh itu, mereka jelmakan dalam bentuk kempen anti-Syiah

5.4 Pakatan Sunni – Israel 2006

Pada 2006, lahir sebuah gabungan yang disebut Sunni-Israel Alliance atau Arab-Israel Alliance. Gabungan ini adalah gabungan keselamatan tidak rasmi yang terdiri daripada Israel dan pelbagai negara Arab yang bermazhab Sunni. Pada asalnya dibentuk untuk kepentingan Gulf Cooperation Council (Majlis Kerjasama Teluk), ia tertumpu terutamanya untuk menghalang cita-cita politik dan ketenteraan Iran, yang terlibat dalam konflik proksi dengan Arab Saudi dan Israel (Kazemzadeh, 2018; Kamal, 2007).

Pakatan Sunni dan Israel ini telah dipromosikan secara aktif oleh Amerika Syarikat sejak persidangan Warsaw pada Februari 2019 untuk membina pakatan dengan negara-negara Arab yang kebanyakannya beraliran Sunni, bagi menghadapi Iran yang bermazhab Syiah. Gabungan ini juga telah disebut sebagai Abraham Alliance atau Abrahamic Alliance, bersempena nama Nabi Ibrahim yang didakwa oleh mereka sebagai bapa bagi Yahudi dan Arab (Zaman et al., 2024; Kazemzadeh, 2018; Kamal, 2007)

Martin Indyk, bekas duta AS ke Israel yang kini felo di badan pemikir berpengaruh Institusi Brookings, mencadangkan satu pakatan melibatkan negara-negara Sunni dengan Israel sebagai usaha menangani pengaruh Iran. Menurut Martin Indyk (2006), ancaman dari paksi Syiah ini sebenarnya mewujudkan “kepentingan bersama” antara negara-negara Arab Sunni dan Israel. Walaupun secara tradisional kedua-dua pihak ini berkonflik, ancaman yang lebih besar daripada Iran dan sekutunya telah mendorong beberapa negara Arab Sunni untuk mempertimbangkan kerjasama strategik dengan Israel. Hal ini selaras dengan perubahan landskap politik Timur Tengah yang memperlihatkan normalisasi hubungan antara Israel dan beberapa negara Arab.

Selain itu, dalam kenyataannya yang lain, Martin Indyk (2007) mengakui bahawa untuk melemahkan pengaruh Iran di Timur Tengah, Amerika telah membentuk kerjasama dan strategi yang mengutamakan hubungan dengan negara-negara Arab Sunni seperti Arab Saudi. Realiti hubungan antara negara-negara Sunni dan Israel, antaranya diulas oleh Kamal (2007) dalam belfcenter.org yang menyatakan bahawa buat pertama kalinya dalam sejarah moden Timur Tengah, Israel dan negara-negara Arab Sunni (seperti Arab Saudi, UAE, dan Mesir) berkongsi kepentingan strategik yang sama. Tujuan kerjasama ini adalah untuk mengimbangi dan memerangi peningkatan kuasa serta pengaruh Iran.

Malah, menurut Goldberg (2009) dalam pemerhatiannya menyimpulkan bahawa rejim-rejim Arab ketika itu kelihatan lebih bersikap kritikal terhadap Iran, berbanding Israel itu sendiri. Jelas projek ini digunakan oleh US untuk menghadapi Iran yang bermazhab Syiah. Hal ini kerana US tidak mungkin akan menghadapi Iran seorang diri kerana

bimbang Iran akan mendapat sokongan daripada negara-negara Islam yang lain (Raisi, 2023). Oleh itu, kempen anti-Syiah telah diwujudkan oleh US dan sasaran kempen mereka ialah orang-orang Sunni untuk memburukkan perpecahan antara Sunni dan Syiah. Kempen ini bermula dengan pakatan atas nama Sunni, melawan Syiah (Salt, 2007).

5.5 Dokumen ‘Unfolding the Future of Long War’

Dokumen ini telah diterbitkan oleh RAND pada tahun 2008 selepas kejatuhan Saddam di Iraq. Dokumen ini banyak membincangkan konflik mazhab di Iraq dan Afghanistan. Istilah Long War telah menjadi perbualan dalam kalangan strategis Amerika sejak 2004 lagi, seperti General John Abizaid. Kuasa Besar itu cukup terkenal kerana mengaplikasikan kaedah ‘pertahanan yang terbaik adalah serangan’. Seperti yang digagaskan oleh Huntington, Amerika perlu berdepan dengan Islam setelah kekalahan Soviet Union pada era Perang Dingin.

Kajian ini dibiayai oleh US Army Training and Doctrine Command & Army Capability Integration Center. Di dalam kajian setebal hampir 200 muka surat itu, Rand Corporation menyediakan pelan jangka panjang bagi menghadapi dunia Islam yang mereka sifatkan sebagai ancaman utama. Dokumen tersebut memperhalusi senario yang perlu diolah menjelang tahun 2020.

Jika pertarungan menentang pengaruh komunisme bawaan Soviet, mereka menyebutnya sebagai Perang Dingin. Maka istilah Long War digunakan untuk merujuk kepada siri peperangan Amerika menentang dunia Islam. Perlaksanaanya seakan serupa, iaitu dengan mencetuskan siri-siri perang proksi. Manakala negara-negara yang ingin dimusnahkan dipilih sebagai medan perang Long War. Objektif Long War yang telah mereka gariskan antaranya adalah menumpaskan rangkaian keganasan menurut label US serta melindungi keselamatan Amerika secara menyeluruh, termasuk kepentingan-kepentingan mereka di rantau luar.

Selain itu, Long War juga meletakkan objektif menentukan negara-negara yang berpihak kepada kepentingan strategik Amerika atau sebaliknya. Termasuk juga menghalang apa-apa potensi yang boleh menyebabkan senjata pemusnah (nuklear) boleh dimiliki oleh seteru Amerika. Salah satu cara untuk melunasi segala objektif Long War di atas adalah dengan melangsungkan konflik Sunni-Syiah agar fokus umat Islam dapat dikuasai. Bahkan semangat umat Islam yang berani mati berperang dapat dimanipulasi agar tetap menguntungkan kepentingan Amerika.

Justeru, menurut dokumen ini, untuk merealisasikan objektif-objektif ini, perlulah mewujudkan persengketaan dalaman Islam. Iaitu melalui perbezaan mazhab Sunni-Syiah. Tujuan persengketaan ini dihidupkan adalah

bertujuan untuk menguasai fokus umat Islam atau dengan kata lain, umat Islam perlu menghabiskan masa dan tumpuan mereka untuk berselisih dalam isu mazhab, berbanding fokus pertentangan mereka dengan Barat (Pernin et al., 2008).

5.6 Kewaspadaan (*al-Hadhar*) Terhadap Agenda Barat Asas Kesatuan Ummah

Dalam mengamati perancangan barat untuk memecahbelahkan Islam, Islam meletakkan satu neraca yang disebut dengan *al-Hadhar* (kewaspadaan). Di dalam Sirah Nabi SAW, *al-Hadhar* boleh dilihat dalam beberapa konteks, kewaspadaan yang dilakukan oleh Nabi SAW lebih tertumpu kepada menjaga kesatuan umat dan kedaulatan negara Islam Madinah daripada perancangan jahat Yahudi, dan pakatan sulit mereka dengan para munafik.

Ibn Kathir (2000) menafsirkan ayat 71 al-Nisa' menyatakan;

يَأْمُرُ اللَّهُ عِبَادَهُ الْمُؤْمِنِينَ بِأَخْذِ الْحِذْرِ مِنْ عَدُوِّهِمْ ، وَهَذَا يَسْتَلْزِمُ التَّأَهُبَ لَهُمْ بِإِعْدَادِ الْأَسْلِحَةِ
وَالْعِدْرَ وَتَكْثِيرَ الْعِدَدِ بِالْغَفِيرِ فِي سَبِيلِهِ

Terjemahan: Tuhan memerintahkan hamba-hamba-Nya yang beriman untuk berwaspada terhadap musuh mereka, dan hal ini memerlukan persiapan untuk menghadapi mereka dengan mengumpulkan senjata dan peralatan, serta meningkatkan jumlah mereka dengan bergerak di jalan-Nya.

Selain itu, Ibn Kathir (2000) menafsirkan ayat 49, al-Ma'idah menyatakan;

احْذَرِ أَعْدَاءَكَ الْيَهُودَ أَنْ يَدْلُسُوا عَلَيْكَ الْحَقَّ فِيمَا يَنْهَوْنَهُ إِلَيْكَ مِنَ الْأُمُورِ ، فَلَا تَغْتَرِ بِهِمْ ،
فَإِنَّهُمْ كَذِبَةٌ كُفْرَةٌ خَوْنَةٌ

Terjemahan: Berhati-hatilah terhadap musuh-musuh Yahudimu, agar mereka tidak memperdayamu tentang kebenaran dalam perkara yang mereka katakan kepadamu. Janganlah tertipu oleh mereka, kerana mereka adalah pendusta, kafir, dan khianat.

Al-Qurtubi (1964) pula ketika menafsirkan ayat 4, al-Munafiqun menukilkan dua tafsiran, iaitu

وَفِي قَوْلِهِ تَعَالَى : فَاحْذَرُهُمْ وَجْهَانِ : أَحَدُهُمَا : فَاحْذَرِ أَنْ تَتَّقَ بِقَوْلِهِمْ أَوْ تَمِيلَ إِلَى كَلَامِهِمْ .
الثَّانِي : فَاحْذَرِ مِمَّا يَلْتَمُهُمْ لِأَعْدَائِكَ وَتَخْذِيلِهِمْ لِأَصْحَابِكَ .

Terjemahan: Istilah *فاحذرهم* ada dua tafsiran, pertama, berhati-hatilah terhadap mempercayai kata-kata mereka atau cenderung kepada ucapan mereka. Kedua, berhati-hatilah terhadap kecenderungan mereka terhadap musuhmu dan pengkhianatan mereka terhadap sahabatmu.

Berdasarkan tafsiran-tafsiran ini, menggambarkan kesemua ayat al-Quran yang menafsirkan *al-Hadhar* dengan maksud yang khusus, yaitu waspada dengan perancangan musuh, diturunkan di Madinah. Situasi ketika itu Islam memerintah negara, di bawah kepemimpinan Rasulullah SAW yang terbina dengan kesatuan Islam. Justeru, Allah SWT mengingatkan (*al-Hadhar*) kepada orang-orang yang beriman agar memelihara kesatuan dan kedaulatan Islam daripada ancaman musuh.

6. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dasar geopolitik dan propaganda Barat sangat jelas dan konsisten dalam menyemarakkan persengketaan mazhab dalam dunia Islam bagi memastikan dominasi geopolitik mereka kekal dan tidak tergugat. Taktik ini termasuk pembinaan naratif negatif seperti 'Bulan Sabit Syiah' dan pakatan Sunni-Israel yang bertujuan mengekang pengaruh Iran. Selain itu, propaganda juga menggunakan dokumen strategik seperti laporan RAND untuk memperkukuhkan agenda sektarianisme dan mengalihkan perhatian umat Islam daripada isu kritikal lain seperti penentangan terhadap hegemoni Barat dan pembebasan Palestin. Strategi ini, yang mencampur adukkan isu agama dan politik, telah melemahkan perpaduan umat Islam secara keseluruhan.

Barat juga berjaya memanipulasi sentimen Islamofobia pasca peristiwa 11 September, yang bukan sahaja menyasarkan Islam sebagai agama tetapi juga memperbesar jurang antara mazhab Sunni dan Syiah. Pertembungan mazhab yang semakin runcing menyebabkan umat Islam semakin kehilangan fokus. Tidak fokus kepada isu-isu prinsip seperti agenda liberalisme dan sekularisme. Dalam konteks Malaysia, umat Islam terperangkap dalam isu pertembungan antara golongan Sufi dan golongan Wahhabi. Ia menyebabkan umat Islam mengabaikan perhatian utama mereka untuk menghadapi ancaman pemikiran semasa. Pertembungan ini bukan sekadar dialog ilmiah sesama ilmuwan, tetapi telah merebak di kalangan masyarakat awam dan menjadi perbalahan sentimen yang dipengaruhi oleh naratif Barat.

Tuntasnya, kajian ini mendapati perpaduan ummah perlu dijadikan keutamaan untuk menghadapi ancaman dasar geopolitik Barat terhadap dunia Islam. Umat Islam harus mengalihkan perhatian daripada konflik dalaman kepada isu yang lebih besar, seperti penentangan terhadap kezaliman global, pembebasan Palestin, dan pembangunan ekonomi yang

mampan. Dengan pendekatan ini, umat Islam dapat memperkuat kedudukan mereka di peringkat antarabangsa tanpa terjerat dalam propaganda sektarian yang dirancang oleh pihak luar. Akhirnya, dicadangkan agar lebih banyak kajian yang berkaitan dengan dasar geopolitik Barat terhadap dunia Islam masa kini dapat diwacanakan bagi mempertahankan kedaulatan Islam.

Rujukan

- Ahmadi, S. (2024). Refugees and migrants in Iran: the Iran-Iraq war (1980–88) and the Intifada (1991). *Middle eastern studies*, 60(1), 139-154.
- Ajansi, Anadolu (2026), Israel says its forces cross from Syria's Golan Heights into southern Lebanon for 'targeted operation'. Diakses pada 9 Jun 2026. <https://www.aa.com.tr/en/middle-east/israel-says-its-forces-cross-from-syria-s-golan-heights-into-southern-lebanon-for-targeted-operation-/3883813>
- Al-Awsat, Asyraq (2026), Israel Opens New Incursion Route from Syria into Lebanon via Mount Hermon. Diakses pada 9 Jun 2026. <https://english.aawsat.com/arab-world/5256727-israel-opens-new-incursion-route-syria-lebanon-mount-hermon>
- Al-Qurtubi, M. A. (1964). *Al-Jāmi' Li Ahkamil Quran*. Kaherah: Darul Kutub al Misriyyah.
- Amour, P. O. (2018). "Islamophobia and the Brand of Osama: What's in a Name? What's in an Image?". *Siyaset, Ekonomi ve Yönetim Araştırmaları Dergisi* 6 (2), 63-74.
- Anderson, S. (2014). *Lawrence in Arabia: War, Deceit, Imperial Folly, and the Making of the Modern Middle East*. London: Atlantic Books.
- Bakri, M. F. M., Nor, M. R. M., & Gokaru, S. A. U. (2025). Sisi Gelap Dunia Islam Abad Pertengahan Menjelang Perang Salib Pertama (489-492 H/1096-1099 M): The Dark Side of the Medieval Islamic World on the Eve of the First Crusade (489-492 Ah/1096-1099 Ce). *Al-Basirah Journal*, 15(2), 26-45.
- Barak, M. (2016). The Grozny Conference in Chechnya—Is the Salafi Movement a Rotten Fruit of Sunni Islam. In *International Institute for Counterterrorism (ICT)*. <https://www.ict.org.il/Article/1808/the-grozny-conference-in-chechnya-is-the-salafi-movement-a-rotten-fruit-of-sunni-islam#gsc.tab=0>.
- Basundoro, A. F. (2020). Perang proksi kontemporer Arab Saudi-Iran sebagai bentuk turbulensi timur tengah: Sebuah analisis Geopolitik. *Jurnal Penelitian Politik*, 17(1), 1-16.
- Beck, M. (2020). The aggravated struggle for regional power in the Middle East: American allies Saudi Arabia and Israel versus Iran. *Global Policy*, 11(1), 84-92.
- Benard, C. (2003). *Civil Democratic Islam: Partners, Resources, and Strategies* (1st ed.). RAND Corporation. <http://www.jstor.org/stable/10.7249/mr1716cmep>
- Bramhall, S. J. (2015). The Arab Spring: Made in the USA. *Global Research*, 28.
- Black, I. (2007). Fear of a Shia full moon. *The Guardian*, 26. Dicapai pada 11 November 2024. <https://www.theguardian.com/world/2007/jan/26/worlddispatch.ianblack>
- Blinken, Antony (2024) U.S. has been in direct contact with Syrian rebel group that ouste Assad, Blinken says. Diakses pada 9 Jun 2026. <https://www.pbs.org/newshour/world/u-s-has-been-in-direct-contact-with-syrian-rebel-group-that-ousted-assad-blinken-says>.
- Chapman, J. M. (2023). *Remaking the World: Decolonization and the Cold War*. Kentucky: The University Press of Kentucky.

- Dougherty, B. K. (2014). De-Bathification in Iraq: How Not to Pursue Transitional Justice. *Middle East Institute*, 30.
- Fadzil, M. M., & Zaman, R. K. (2025). Mendepani Kekeliruan Terhadap Sistem Politik Kepartian Dalam Islam: Addressing the Confusion Surrounding the Political Party System in Islam. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 39-59.
- Federal Bureau of Investigation. (1993). Osama Bin Laden. Dicapai pada 5 November 2024. <https://www.fbi.gov/history/famous-cases/osama-bin-laden>
- Fraihat, I., & Yaseen, T. (2020). Evolving trends in the post-Arab spring era: Implications for peace and stability in the MENA region. *Journal of Peacebuilding & Development*, 15(3), 331-347.
- Goldberg, J. (2009). How Iran Could Save the Middle East. *The Atlantic*, 304(1).
- Hamdan, L. (2019). *Framing Islamophobia and Civil Liberties: American Political Discourse Post 9/11* (Doctoral dissertation, Walden University).
- Hermansen, M. K., & Zarrabi-Zadeh, S. (2023). Sufism in Western contexts. In *Sufism in Western Contexts* (pp. 1-36). Brill.
- Huntington, S. P. (2020). The clash of civilizations?. In *The new social theory reader* (pp. 305-313). Routledge.
- Ibn Kathir, A. F. (2000). *Tafsir al-Quran al- 'Azīm*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Indyk, M. S. (2006). Could This War Produce a Sunni-Israeli Alliance? Laman sesawang Brookings. Dicapai pada 10 November 2024. <https://www.brookings.edu/articles/could-this-war-produce-a-sunni-israeli-alliance/>
- Irawan, D. (2021). Dinamika keamanan kawasan Timur Tengah dalam persaingan kekuatan Iran dan Amerika Serikat. *Dauliyah: Journal of Islam and International Affairs*, 6(2), 221-248.
- Jaspal, R. (2020). Content analysis, thematic analysis and discourse analysis. *Research methods in psychology*, 1, 285-312.
- Jordan's Abdullah concerned Iraq may tilt toward Tehran. (2004). NBC News. Dicapai pada 11 November 2024. <https://www.nbcnews.com/id/wbna6679939>.
- Juergensmeyer, M. (2004). Holy orders. *Harvard International Review*, 25(4), 34.
- Kamal, R. (2007). "Emerging Sunni-Israeli Alliance Holds Hope for Mideast Peace." Laman sesawang Chicago Sun-Times. Dicapai pada 11 November 2007. <https://www.belfercenter.org/publication/emerging-sunni-israeli-alliance-holds-hope-mideast-peace>
- Kazemzadeh, M. (2018). The sources of the Middle East's crises and American grand strategy. *Comparative Strategy*, 37(1), 56-72.
- Koo, G. Y. (2024). Wavering theocratic ideology and the politicization of Shia identity: Iran's ideological rifts amid geopolitical maneuvers. *Asian Journal of Political Science*, 32(2), 259-277.
- Kuoti, Y. (2016). Exclusion and Violence in post-2003 Iraq. *Journal of International Affairs*, 69(2), 19-30.
- Kurnia, R. R., Saputro, G. E., & Prakoso, L. Y. (2023). War Strategy of Acehese and Dutch in the Aceh War 1873-1912. *JUSPI (Jurnal Sejarah Peradaban Islam)*, 7(1), 1-8.
- Lewis, B. (2004). "Understanding Sufism and its Potential Role in US Policy". Zayno Baran (ed.) *Nixon Centre Conference Report*. Washington: The Nixon Centre.
- Mako, S. (2019). Institutionalizing Exclusion: De-Ba 'thification in post-2003 Iraq. *Religion, Violence, and the State in Iraq*, 17-21.
- Mepc.org (2015) Saudi Ambassador Adel Al-Jubeir on Yemen Intervention and Iran Nuclear Deal <https://mepc.org/commentaries/saudi-ambassador-adel-al-jubeir-yemen-intervention-and-iran-nuclear-deal/> diakses pada 3 Julai 2026

- Moss, D. M. (2020). Voice after exit: Explaining diaspora mobilization for the Arab Spring. *Social Forces*, 98(4), 1669-1694.
- Netanyahu, Benjamin. "Transcript of Netanyahu Speech to Congress." The New York Times 3 (2015).
- Pernin, C. G., Nichiporuk, B., Stahl, D., Beck, J., & Radaelli-Sanchez, R. (2008). *Unfolding the future of the long war: motivations, prospects, and implications for the US Army*. Rand Corporation.
- Winarno, B. (2015). Satu dekade pasca invasi AS di Irak. *Jurnal Hubungan Internasional*, 3(2), 107-124.
- Rabasa, A., Waxman, M., Larson, E. V., & Marcum, C. Y. (2004). *The Muslim world after 9/11*. Rand Corporation.
- Rabasa, A., Benard, C., Schwartz, L. H., & Sickle, P. (2007). *RAND Proposes Blueprint for Building Moderate Muslim Networks*. https://www.rand.org/pubs/research_briefs/RB9251.html
- Raisi, A. (2025). Alliance and sectarian attitudes in the MENA: the case of Arab opinion towards Iran. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 52(1), 228-250.
- Rubin, B. (1980). American relations with the Islamic Republic of Iran, 1979–1981. *Iranian Studies*, 13(1-4), 307-326.
- Sabasteanski, A. (2005). COUNTRY REPORTS 1985–2004. In *Patterns of Global Terrorism: US Department of State Reports with Supplementary Documents and Statistics* (1st ed., pp. 203–724).
- Salt, J. (2007). Turning Sunni and Shia against Each Other. *Arena Journal*, 28, 21-31.
- Samuel, H. (1993). The clash of civilizations. *Foreign affairs*, 72(3), 22-49.
- Seymour, M. H. (2007). "A Strategic Shift". Laman sesawang The New Yorker. Dicapai pada 11 November 2024. <https://www.newyorker.com/magazine/2007/03/05/the-redirection>
- Shosky, J. (2015). Lawrence in Arabia: War, Deceit, Imperial Folly, and the Making of the Modern Middle East. *The European Legacy*, 21(1), 114–117.
- Sumanto, D. (2020). Konflik Sosial Masyarakat Dalam Perspektif Sosiologi Hukum Islam. *Volksgeist: Jurnal Ilmu Hukum Dan Konstitusi*, 3(1), 83-97.
- US Department of State. (2001). Patterns of Global Terrorism 1996. Laman sesawang US Department of State. Dicapai pada 5 November 2024. <https://1997-2001.state.gov/global/terrorism/1996Report/overview.html>
- Wagenen, W. V. (2025). Creative chaos: inside the CIA's covert war to topple the Syrian government. Austin: Libertarian Institute.
- Wastnidge, E. (2018). Religion and Geopolitics in Iranian Foreign Policy. In: Mabon, Simon ed. Saudi Arabia and Iran: The Struggle to Shape the Middle East. The Foreign Policy Centre (FPC Think Tank Ltd), pp. 9-10.
- Wrights, R. (2013) Robin Wright's Audacious Remapping of the Middle East. Diakses pada 9 Jun 2026. <https://www.geocurrents.info/blog/2013/10/01/robin-wrights-audacious-remapping-middle-east/>
- Yaacob, N. (2022). Aliran Akidah Umat Islam Terhadap Sifat Khabariyyah: The Sect of Belief among Muslims on the Attribute of Khabariyyah. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(2), 50-67.
- Yakubovich, A. H. (2024). History And Current State of Iraq- Iran Relations. *The American Journal of Political Science Law and Criminology*, 6(05), 46–49.
- Yuting, M., & Yuanyuan, D. (2023). From "Axis of Evil" to "Iran Threat Network": The Securitization discourse Constructed by the US. Elites Toward Iran. *International Science Research*, 3(1), 16-32.

- Zaman, R. K., Fadzil, M. M., & Zarkasyi, H. F. (2024). The Influence of Abrahamic Faiths in the Religious Pluralism Agenda in Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 17-34.
- Zinn, C. M. (2016). Consequences of Iraqi De-Baathification. *Cornell International Affairs Review*, 9(2). 80-100.